

"Mengapa kita perlu bangga bahasa? Semua orang perlu bangga terhadap bahasa ibundanya sendiri. Kata Albert Camus, 'bahasa itu tanah air saya'. Begitu juga kita yang hidup di Malaysia harus beranggapan sedemikian juga. Bahasa Melayu merupakan tanah air kita, selain daripada peta pemikiran, kebijaksanaan dan pencapaian dalam pelbagai bidang ilmu. Tiada masalah untuk bangga dengan bahasa ibunda kerana sejarah bahasa ini sudah cukup panjang." Ujar Profesor Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh dalam forum "Perluakah Kita Megah Bahasa?" yang diadakan di Dewan Seminar Dato' Hassan Ahmad, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 23 November yang lalu. Selain beliau, ahli panel lain yang turut menyumbang idea dan pemikiran ialah Profesor Madya Dr. Sarjit S. Gill dan Dr. L. Lim Swee Tin.

Di negara maju yang lain seperti Perancis, rakyatnya sangat menyayangi dan menjaga maruah bahasa ibundanya sendiri. Jika bercakap dalam bahasa asing, maka seseorang itu tidak akan dilayan dan diendahkan. Rakyat negara maju memiliki sifat kesombongan dalam perkara yang bersangkutan paut dengan bahasa. Menurut beliau, rakyat Malaysia harus bersikap sebegitu sebagai tanda rakyat yang mencintai bahasanya sendiri. "Bahasa kita ini merupakan jalinan yang rumit di antara berbagai-bagai bahasa. Ini kerana perkataan dan budayanya yang terbit dari jiwa bangsanya sendiri.

# Penyelamat Tamadun Bangsa



Muhammad Haji Salleh. "Rakyat di negara maju memiliki sifat kesombongan dengan bahasa mereka".

Ini yang patut kita megahkan kerana kita dapat menyatukan semua ini dalam satu bahasa yang kita gunakan bersama," tegas beliau.

"Di Malaysia ada 100 bahasa, Indonesia ada 700 bahasa, dan Thailand 170 bahasa. Jadi kita tinggal dalam satu dunia yang sangat padat dengan jumlah bahasanya. Setiap bahasa itu ada budaya yang datang bersama-sama. Dari bahasa itu juga terbit sopan-santun dan ilmunya. Walaupun bahasa itu sangat kecil, tetapi bahasa tersebut hidup dalam satu dunia dan digunakan untuk melukiskan

konsep dunia dan secara tidak langsung melihat wajah dunia itu," jelas beliau.

Bahasa Melayu dikenali kerana bahasa ini selain padat dengan metafora kehidupannya, turut juga memiliki kesantunan dan kesopanannya yang tersendiri. Pantun merupakan salah satu bukti bahawa bahasa Melayu mempunyai sifat estetika yang khas miliknya. Bahasa Melayu seakan-akan seperti sebuah muara, semua bahasa mengalir ke sana, seperti bahasa Sanskrit, Tamil, Jawa, Siam dan sebagainya. Bahasa ini juga kelihatan unik kerana bahasa ini



Lim Swee Tin, "Keindahan bahasa Melayu datang dari sumber alam".

merupakan suatu bahasa yang membawa berbagai unsur dari seluruh Nusantara.

"Keindahan bahasa Melayu ini datang dari sumber alam. Bahasa Melayu ada kelebihan yang tidak ada pada bahasa Inggeris. Bahasa Melayu kebanyakannya tinggal di tepi air, dan pantai. Jadi, bahasa kita lebih lembut dan perlahan berbanding bahasa Inggeris. Semua keindahan bahasa Melayu datang dari alam hasil daripada mendengar suara laut dan air, serta pohon dan langit serta keadaan tersebut kita rasakan dalam bahasa kita. Mungkin bahasa Inggeris lebih keras sedikit kerana kehidupan alam di sana juga keras. Bahasa Melayu ini seperti permainan catur, perlahan dan berada di bawah permukaan dan dalam akal fikiran kita. Kalau kita tiadakan bahasa Melayu ini, maka semua keindahan dan tradisi ini akan hilang," terang beliau.

Beliau turut menyindir golongan yang sering memperlekehkan dan memandang rendah bahasa Melayu. "Orang yang berfikir begitu tidak ada pengetahuan



Barisan ahli panel sesi forum yang dipengerusikan oleh Dr. Chazali Taib, Timbalan Ketua Labatan Antarabangsa dan Korporat, IPG Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur.

mengenai sejarah bahasa Melayu dan tidak ada pengetahuan mengenai bentuk bahasa ini serta tidak ada pengetahuan tentang makna bahasa ini pada sesuatu bangsa. Golongan ini hanya memikirkan wang dan ekonomi, sedangkan bahasa Melayu itu mempunyai jiwanya." Tegas beliau. Tamadun ialah pada keprihatinan, kehalusan fikiran untuk menjangka apa-apa yang dirasakan orang lain. Tamadun lebih halus daripada itu. Hanya bahasa yang boleh menyelamatkan sesebuah tamadun daripada hancur dan musnah.

Selain itu, Profesor Madya Dr. Sarjit S. Gill juga menyentuh mengenai keseriusan kerajaan dalam memartabatkan bahasa Melayu di Malaysia. Beliau beranggapan bahawa falsafah bahasa jiwa bangsa sudah semakin hari semakin luntur dalam kalangan pemikiran rakyat Malaysia. "Saya menjangkakan 30 tahun lagi bahasa Melayu tidak akan ada lagi di Malaysia. Lima tahun akan datang tiada makalah berbahasa Melayu yang akan diberi perhatian di universiti. Audit bahasa juga perlu dilakukan dengan lebih kerap lagi, bukan setahun sekali, tetapi enam bulan sekali," jelas beliau.

Dr. Lim Swee Tin pula turut menyentuh mengenai penggunaan tulisan Jawi yang kini sudah lumpuh. Menurut beliau, tulisan Jawi merupakan warisan bangsa kerana ia merupakan bentuk tulisan yang sudah digunakan berkun-kun lamanya. Beliau turut menyatakan bahawa guru-guru di sekolah merupakan benteng terakhir untuk menyelamatkan bahasa Melayu. "Untuk kita berasa megah dan bangga kita haruslah ada perasaan untuk membudayakan rasa sayang, suka dan menghargai bahasa ini. Penghayatan terhadap bahasa Melayu perlu kuat. Kekaguman perlu muncul terhadap bahasa Melayu. Kekaguman lahir daripada penghayatan yang kuat dan mendalam terhadap bahasa ini," terang beliau. PB